

CNS0935

U GB 26-07 00171 BA103

hah

Mahathir - Belia

DELTA PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata generasi belia perlu memandang positif segala cabaran yang dihadapi sebagai persediaan menghadapi cabaran lebih besar memerdekakan negara dalam erti kata sebenarnya.

Cabaran mengekalkan kemerdekaan adalah tanggungjawab generasi belia yang perlu sentiasa berusaha menguasai semua bidang ilmu supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar merdeka.

"Sekiranya mereka tidak sanggup menghadapi masalah kecil untuk menimba segala ilmu pengetahuan dan kemahiran, maka mustahil mereka dapat menjadi penggerak kemajuan negara," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Belia Negara 1993 di Kompleks Sekolah-sekolah, Wakaf Mek Zainab di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sekiranya mereka tidak sanggup memikul beban kemerdekaan, matlamat wawasan untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tidak akan tercapai.

Jika generasi muda tidak mahu negara ini dikuasai atau dijajah semula dalam bentuk lain mereka perlu berusaha untuk menyelamatkan kemerdekaan yang sedang dinikmati sekarang, tambahnya. -- lagi.

▼26/07/12-40MST

CNS0951

U GB 26-07 00136 BA109

bah

Mahathir - Belia 2 Kota Baharu

Perdana Menteri berkata, belia hari ini perlu mengubah sikap untuk menimba pelbagai ilmu dan kemahiran agar Malaysia dapat menjadi negara maju dan bersaing dengan negara-negara maju lain.

Beliau berkata, sehingga ini banyak lagi bidang yang belum dikuasai oleh negara untuk menuju ke matlamat itu.

Oleh itu menjadi tanggungjawab kaum belia untuk berusaha menguasai bidang-bidang itu, katanya.

Ketika menghuraikan erti kemerdekaan, Dr Mahathir berkata banyak negara yang telah merdeka, tetapi masih banyak yang menerima tekanan dari negara kuasa besar kerana mereka masih bergantung kepada negara berkenaan termasuk untuk mendapatkan pinjaman dan kepakaran.

Katanya para belia mesti sanggup bekerja keras dan menguasai apa juga bidang kemahiran untuk mencapai kecemerlangan bagi menjadikan Malaysia benar-benar bebas daripada segala aspek. -- lagi.

▼26/07/12-59MST

CNS0964

R CB 26-07 00130 DA114

bah

Mahathir - Belia 3 Kota Bharu

Perdana Menteri berkata, memandangkan Malaysia sedang mengejar negara maju, golongan belia juga mestilah sanggup bergerak cepat agar tidak ketinggalan.

Menurutnya, belia di negara ini sebenarnya mampu bersaing dengan orang lain di negara maju "tetapi kita sahaja yang merasakan kita tidak boleh menimba ilmu setanding dengan mereka."

"Belia di negara ini mampu menimba ilmu dan kemahiran setanding dengan belia di negara lain jika mereka sanggup bekerja kuat dan menghadapi segala cabaran dan rintangan," kata beliau.

Dr Mahathir kesal dengan sikap sesetengah belia yang malas ke sekolah dan suka kepada budaya lepak di pasar raya.

Katanya, menjadi tanggungjawab semua pihak seperti pemimpin politik dan masyarakat, terutama guru-guru bagi mengatasi gejala itu. -- Lagi.

▼26/07/13-15MST

CNS0982

U CB 26-07 00184 DA117

bah

Mahathir - Belia 4 (Akhir) Kota Bharu

Beliau berkata guru memainkan peranan penting dalam konteks ini kerana mereka dilatih khusus dengan cara psikologi untuk membimbing belia.

Katanya tanggungjawab menjayakan Wawasan 2020 terletak pada bahu belia dan oleh itu mereka perlu mengambil tindakan awal dengan merancang dan mendapatkan tunjuk ajar daripada mereka yang sudah dewasa untuk menjayakan matlamat itu.

Beliau berkata tugas belia sekarang akan berbeza dengan peranan mereka pada tahun 2020 kerana ketika itu mereka sudah dewasa dan peranan mereka sekarang akan diambil oleh generasi yang lebih muda.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah satu-satunya negara yang telah membentuk wawasan seumpama itu dan ia telah banyak menarik perhatian dan minat serta menjadi bahan perbincangan negara-negara maju.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Annuar Musa di pekarangan sekolah itu disambut oleh kira-kira 15,000 belia yang mangadakan lintas hormat di hadapan beliau.

Sambutan bunga manggar oleh sekumpulan belia wanita, pertunjukan silat, rebana ubi dan ikrar belia diadakan sebelum upacara perasmian itu. --

Bername..

NH HT NMO.